

## RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat disini. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

## INSURANS BARANGAN RUMAH

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (lajari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### 1. Apakah tentang produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan kandungan isi rumah dan barang peribadi anda dan keluarga anda.

### 2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Faedah yang disediakan di bawah polisi ini boleh dijelaskan seperti berikut:

Perlindungan daripada:	
Kebakaran dan kilat, tangki atau paip air pecah atau melimpah, letusan, gempa bumi, ribut angin, banjir, kerosakan akibat perbuatan jahat, hentaman, kerosakan yang disebabkan oleh pesawat udara dan rusuhan, mogokan dan pokok tumbang	Sehingga 100% jumlah diinsuranskan
Kecurian, yang disertai oleh pecah masuk dan keluar rumah menggunakan kekerasan dan keganasan terhadap isi dalam rumah anda	
Penenggelaman/Gelinciran tanah	
Kerosakan tidak sengaja	
Liabiliti penghuni anda dan keluarga anda	Sehingga RM250,000 setiap insiden
Kehilangan Wang	Sehingga RM500.00 setiap insiden
Penggantian kunci dan kekunci yang rosak	Sehingga RM500.00 setiap insiden
Kerugian atau kerosakan pada siklus pedal anda	Sehingga RM500.00 setiap insiden
Pembuangan Sisa	Had RM2,000.00
Daripada perbelanjaan saku	Had RM2,000.00
Pembaikan pintu atau tingkap	Had RM1,000.00
Surat hak milik atau dokumen	Had RM2,500.00
Koleksi syiling, pingat dan setem	Had RM500.00
Caj bomba	Had RM5,000.00
Makanan beku	Sehingga RM500.00 setiap insiden
Arahan untuk berpindah oleh pihak berkuasa kerajaan	50% dari jumlah diinsuranskan

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui insurans polisi anda setiap tahun.

Pelan Tersedia untuk pemilihan:

Terdapat sepuluh (10) pelan yang tersedia seperti berikut:

PELAN	PELAN 1	PELAN 2	PELAN 3	PELAN 4	PELAN 5	PELAN 6	PELAN 7	PELAN 8	PELAN 9	PELAN 10
Jumlah Diinsuranskan (RM)	25,000	30,000	35,000	40,000	50,000	60,000	70,000	80,000	90,000	100,000

### Nota Penting:

- (i) Semua bangunan yang berkaitan dengan insurans ini mesti dibina daripada dinding bata/konkrit dan beratapkan jubin/abestos, digunakan semata-mata untuk kegunaan kediaman (Klasifikasi Binaan 1A).
- (ii) Jumlah diinsuranskan yang anda pilih mesti mewakili nilai penuh isi kandungan. Walau bagaimanapun, kami akan mengecualikan sebarang penalti untuk kekurangan perlindungan insurans sekiranya pada masa kerugian atau kerosakan jumlah yang diinsuranskan kurang dari jumlah kos untuk menggantikan semua isi kandungan sebagai baru, (tolak jumlah yang dibenarkan bagi haus dan lusuh keatas barang permaidani dan penutup lantai, pakaian, kasut, langsir, barang linen, peralatan sukan, mainan kanak-kanak, dan perkakas dapur) tidak melebihi 25%.
- (iii) Untuk jumlah diinsuranskan yang melebihi RM100,000, sila rujuk kepada syarikat kami bagi sebut harga.

### **3. Berapa premium yang harus saya bayar?**

Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung kepada pelan yang dipilih. Anda boleh merujuk kepada brosur untuk premium.

### **4. Selain daripada premium dan Cukai Perkhidmatan yang berkenaan, apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?**

Komisen yang dibayar kepada agen insurans	15% daripada Premium Kasar
Duti Setem	RM10.00

### **5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?**

#### **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalansoalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

#### **Kontrak Insurans Komersial**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

### **6. Apakah pengecualian di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kerugian seperti:

Pencemaran Radioaktif, Risiko Perang, Tindakan Penguatkuasa, Gelombang Bunyi, Kerosakan Sediaada. Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada sampel polisi kontrak untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

### **7. Bolehkah saya membatalkan polisi?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis kepada The Pacific Insurance Berhad dengan syarat tiada tuntutan yang dibuat semasa tempoh insurans ini. Selepas pembatalan, apa-apa pemulangan bayaran premium akan berdasarkan pada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam kontrak polisi.

### **8. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam alamat atau butiran peribadi saya?**

Adalah penting bahawa anda memberitahu The Pacific Insurance Berhad tentang segala perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyerat anda tiba pada waktu yang tepat.

### **9. Bagaimana saya membuat tuntutan?**

The Pacific Insurance Berhad mesti diberitahu secara bertulis bersama-sama huriahan terperinci dengan segera selepas kejadian yang mungkin menjadi bahan tuntutan di bawah polisi ini.

### **10. Apakah jenis perlindungan insurans rumah lain yang terdapat di The Pacific Insurance Berhad?**

Jenis perlindungan insurans rumah lain yang tersedia ialah:

1. Insurans Empunya Rumah dan/atau Empunya isi rumah; dan
2. Insurans HomeInsure Pro

Anda boleh menyemak di laman sesawang kami di [www.pacificinsurance.com.my](http://www.pacificinsurance.com.my).

### **11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:-

#### **The Pacific Insurance Berhad**

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.  
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999      Fax: +603-2633 8998      Talian Bebas Tol: 1800 88 1629

Emel: [customerservice@pacificinsurance.com.my](mailto:customerservice@pacificinsurance.com.my)

Laman Sesawang: [www.pacificinsurance.com.my](http://www.pacificinsurance.com.my)

**12. Pengakuan:**

Saya/ Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/ kami

**TANDATANGAN:** \_\_\_\_\_

**NOTA PENTING:**

**ANDA MESTI MEMASTIKAN ISI KANDUNGAN ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG SESUAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERUNDING DENGAN EJEN INSURANS ATAU HUBUNGI THE PACIFIC INSURANCE BERHAD TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang diberikan dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini sah pada 1 Mac 2024.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.